

## **NOTIS MAKLUMAN COVID-19**

Para Pelanggan Yang Dihormati,

Keselamatan pelanggan dan kakitangan kami di seluruh negara sentiasa menjadi keutamaan, oleh itu Pos Malaysia akan terus mengikuti perkembangan terkini keadaan dan situasi berhubung COVID-19.

Kami telah mengambil langkah-langkah berwaspada selari dengan garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan telah meningkatkan kesedaran mengenai pandemik ini melalui taklimat, pengumuman dalaman dan paparan pesanan keselamatan dan kesihatan oleh KKM. Bagi tujuan perlindungan, kakitangan Pos Malaysia dibekalkan dengan cecair pembasmi kuman dan topeng mulut dan hidung. Pelan Kontigensi juga telah dipersiapkan dan akan diaktifkan sekiranya berlaku kecemasan.

Bagi rangkaian pejabat pos kami di seluruh negara, selain penyediaan cecair pembasmi kuman dan tips kesihatan, kami meminta para pelanggan yang mempunyai gejala COVID-19 agar tidak mengunjungi pejabat-pejabat pos dan agar para pelanggan yang berurusan dapat mengekalkan jarak satu meter antara satu sama lain.

Bagi rangkaian penghantaran kami, tips keselamatan turut disertakan bersama setiap surat yang diserahkan di seluruh negara. Item yang diterima oleh para pelanggan juga tidak memerlukan sebarang tandatangan buat masa ini dan penerima hanya perlu menyatakan nombor kad pengenalan mereka, bagi menghadkan kontak di antara pekerja serahan / posmen dan pelanggan.

Berkenaan keselamatan bungkusan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan bahawa kemungkinan bagi pencemaran terhadap barangan komersial oleh individu yang dijangkiti adalah rendah dan risiko jangkitan virus yang menyebabkan COVID-19 menerusi bungkusan yang telah bergerak, diterbangkan dan terdedah kepada keadaan dan suhu yang berlainan juga adalah rendah.

Kami menggalakkan para pelanggan untuk memilih kaedah penghantaran alternatif seperti Lokar Bungkusan atau Ezibox yang boleh didapati di 255 lokasi seluruh negara sebagai tempat penghantaran utama. Pilihan ini menghadkan kontak dengan pekerja serahan dan kemudahan ini disanitasi dengan kerap bagi merendahkan risiko jangkitan.

Kami komited dalam memastikan kesinambungan penghantaran ke seluruh rangkaian kami dan akan menyalurkan maklumat mutakhir kepada para pelanggan melalui laman sesawang dan platform media sosial kami sekiranya terdapat gangguan perkhidmatan disebabkan COVID-19.

Kami mengucapkan terima kasih kepada para pelanggan kami atas sokongan dan kesabaran pada masa ini. Untuk sebarang pertanyaan, sila layari [www.pos.com.my](http://www.pos.com.my) atau hubungi 1-300-300-300.



## COVID-19 SERVICE ALERT

Dear Valued Customers.

Pos Malaysia is continuing to monitor the circumstances and developing situation around COVID-19 and our priority is always the safety of our customers and employees nationwide.

We have taken precautionary measures in tandem with the Ministry of Health (MOH) guidelines and raised awareness on the ongoing pandemic among our employees through briefings, internal announcements and display of MOH safety and health messages. For protection, Pos Malaysia employees were provided with sanitisers and face masks and a contingency plan has also been set in place and will be activated in the event of an emergency.

For our Post Office networks in the country, apart from providing sanitisers and hygiene tips, we are asking customers with symptoms of COVID-19 to not visit our Post Offices and for all other customers to keep at least one metre distance from others.

For our delivery network, safety tips are stamped on all letters delivered nationwide. Items received by customers will temporarily require no signature and would only require a verbalisation of their identification card number, reducing front facing employees/postmen close contact with customers.

Regarding the safety of packages, the World Health Organisation (WHO) has declared that “the likelihood of an infected person contaminating commercial goods is low and the risk of catching the virus that causes COVID-19 from a package that has been moved, travelled, and exposed to different conditions and temperature is also low.”

We encourage customers to select alternative delivery options, in the form of our Parcel Lockers or Ezibox currently available across 255 locations in the country as their primary delivery drop-off point. This option minimises contact with a delivery person and the facility is sanitised regularly to mitigate the risk of infection.

We are committed to continuing delivery throughout our network and will update our customers accordingly via our website and social media platforms should there be any disruptions resulting from COVID-19.

We thank our customers for their support and patience during this time. For further inquiries, please visit [www.pos.com.my](http://www.pos.com.my) or call 1-300-300-300.